

Agihan kerusi Barisan

Oleh NAZARUDIN SHAHARI
dan MEOR HARMAN SHAKRI

KUALA LUMPUR 24 Feb. — Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) akan bermesyuarat esok untuk membincangkan soal prinsip pembahagian kerusi pilihanraya umum akan datang di kalangan 14 parti komponennya.

“Soal prinsip pembahagian itu akan dibincangkan,” kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini.

Bagaimanapun, menurutnya, parti-parti komponen tidak akan mengemukakan senarai calon mereka pada mesyuarat itu.

Malah setakat ini pun, katanya, belum ada yang memajukan senarai calon ke ibu pejabat BN.

“Belum lagi... kita ada banyak masa lagi, kita ada masa sampai 10 bulan lagi,” katanya kepada para pemberita selepas majlis penyampaian bantuan Hari Raya kepada anak-anak yatim Wilayah

Persekutuan, di sini hari ini.

Mesyuarat itu, yang akan dipengerusikan oleh Dr. Mahathir selaku Pengerusi BN, bermula pada pukul 9.30 pagi di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Antara agenda terpenting yang dijangkakan menjadi pokok perbincangan ialah mencari kata putus berhubung pengagihan kerusi Dewan Undangan Negeri dan Dewan Rakyat.

Bagaimanapun, difahamkan agihan itu tidak akan jauh bezanya daripada pembahagian kerusi pilihanraya umum 1990, tetapi mengambil kira pertambahan kawasan ekoran persempadanan baru.

Pada pilihanraya 1990 UMNO bertanding di 86 kawasan Parlimen, MCA (32), MIC (6), Gerakan (9), PBB (10), SNAP (5), SUPP(8), PBDS (4), USNO (6) dan PBS (14).

■ Lihat muka 2

Agihan kerusi Barisan

BN memenangi 127 daripada 180 kerusi Parlimen dalam pilihanraya itu.

Dalam pilihanraya akan datang, jumlah kerusi Dewan Rakyat bertambah daripada 180 kepada 192.

Parti-parti komponen BN kini terdiri daripada UMNO, MCA, MIC, PBB, SUPP, Gerakan, PPP, SNAP, PBDS, Akar Bersatu, LDP, SAPP, PBR dan PDS.

Selain soal agihan itu,

mesyuarat itu juga akan membincangkan mengenai persiapan pilihanraya umum dan manifesto BN.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir juga berkata, BN negeri-negeri boleh membuat tambahan pada manifesto pilihanraya umum jika ada keperluan berbuat demikian

Menurut beliau, manifesto untuk negeri Kelantan yang diumumkan baru-baru ini bukanlah berasingan daripada negeri-negeri lain tetapi meru-

pakan tambahan kepada manifesto utama BN.

Sehubungan itu katanya, Sabah juga akan mengeluarkan manifesto tambahan untuk menghadapi pilihanraya umum.

Buat tambahan

"Negeri-negeri lain boleh membuat tambahan kepada manifesto utama berdasarkan kepada keadaan-keadaan semasa," katanya.

Dr. Mahathir bagaimanapun menjelaskan tambahan yang hendak dibuat itu tidak perlu terlalu banyak sehingga menjajikan manifesto utama.

Di majlis tersebut, Perdana Menteri dan isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali menyampaikan bantuan Hari Raya kepada 431 orang anak yatim di sekitar Kuala Lumpur.

Setiap anak yatim menerima bantuan Hari Raya berupa wang tunai RM100.